

Analisis genre dan akal budi dalam simpulan bahasa Melayu Sarawak
The analysis genre and common sense in idioms of Sarawak Malay language

Abang Patdeli Abang Muhi
Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia
apam@dbp.gov.my

Received: 25 August 2020; Published: 04 June 2021

Abang Muhi, A. P. (2021). Analisis genre dan akal budi dalam simpulan bahasa Melayu Sarawak. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9 (1), 49 - 61. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/144>

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan aspek genre dan akal budi yang terdapat dalam simpulan bahasa Melayu Sarawak. Simpulan bahasa ialah salah satu daripada genre peribahasa. Genre simpulan bahasa menurut Harun Mat Piah (1989) terdiri daripada unsur-unsur (i) unsur luaran seperti bentuk dan struktur serta ikatan dan konvensinya; (ii) unsur dalaman seperti bahan pembicaraan, pemikiran, isi, fungsi dan pelbagai unsur keindahan yang lain. Akal budi ialah fikiran yang sihat. Fikiran yang sihat bermaksud kebijaksanaan, pekerti, sifat baik, daya cipta, falsafah dan pemikiran masyarakat Melayu Sarawak yang tersurat dan tersirat dalam simpulan bahasa. Kajian ini mengetengahkan bahawa daripada segi genre, simpulan bahasa Melayu Sarawak dibentuk daripada kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata tugas, dan unsur atau nilai kepercayaan. Kajian ini menghujahkan bahawa simpulan bahasa Melayu Sarawak tersurat dan tersirat pelbagai aspek akal budi. Teori Peribahasa Za'ba (1962) yang diperluas oleh Harun Mat Piah (1989) dan Teori Semantik Geoffrey Leech (1981) berserta pendekatan semantik inkuisitif Norhashimah Jamaludin (2004) diaplikasikan dalam kajian ini.

Kata kunci: genre, akal budi, kata nama, kata kerja, kata adjektif

ABSTRACT

This research aimed to analyse the genre and akal budi of the Sarawak Malays idioms. Idioms are one of the proverbs genre. According to Harun Mat Piah (1989) the idioms genre consists of the elements of (i) explicit element such as form and structure as well as bond and convention; (ii) implicit element such as the substance of conversation, thought, content, function and various other aesthetic elements. Akal budi is a healthy mind. A healthy mind means the wisdom, character, virtue, creativity, philosophy and thoughts of the Sarawak Malays that are stated plainly and implied in the idioms. This article intent to prove that, in terms of genre, the Sarawak Malays idioms are created base on nouns, verbs, adjectives, function words and cultural elements or values. This research argues that the Sarawak Malays idioms stated explicit and implicit various aspects of akal budi. The Za'ba Proverbs Theory (1992) which was expanded by Harun Mat Piah (1989) and Semantic Theory by Geoffrey Leech (1981) alongside with Norhashimah Jalalludin (2004) inquisitive semantic approach are applied in this study.

Keywords: genre, akal budi, nouns, verbs, adjectives

PENGENALAN

Masyarakat Melayu Sarawak seperti juga kaum Iban, Bidayuh dan Orang Ulu amat kaya dengan sastera lisannya yang masih kurang dikaji dan diterokai secara meluas serta tuntas. Terdapat beberapa kajian yang dilakukan sebelum ini seperti oleh Asmah Hj Omar (1981), Chemaline Anak Osup (2015, 2017), tetapi lebih tertumpu kepada aspek bahasa. Ini termasuklah simpulan bahasa yang merupakan salah daripada satu sub-genre peribahasa. Kajian ini mempunyai beberapa matlamat. Pertama, menganalisis genre simpulan bahasa Melayu Sarawak, dengan mengenal pasti perkataan-perkataan dan unsur-unsur bahasa serta kepercayaan yang dimanfaatkan oleh orang Melayu Sarawak untuk membentuk dan menciptakan simpulan. Kedua, untuk menghuraikan aspek akal budi yang tersurat dan tersirat dalam simpulan bahasa tersebut.

Dalam perbincangan ini hanya mengetengahkan simpulan bahasa sahaja yang dikaji dengan menemu bual dua orang informan yang merupakan tokoh berpengaruh dalam masyarakat Melayu Sarawak. Di samping itu, tiga buah buku yang ditulis oleh Abang Yusuf Puteh iaitu “*The Malays of Sarawak*” (1998), “*The Malay Mind*” (1996) dan “*Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*” (2008) juga merupakan satu lagi sumber utama kajian ini memandangkan ketiga-tiga buku itu ada memuatkan simpulan bahasa Melayu Sarawak.

Sorotan yang dilakukan mendapati tidak banyak kajian yang pernah dilakukan tentang aspek akal budi dalam simpulan bahasa Sarawak. Kajian yang ada lebih tertumpu kepada genre pantun seperti mana yang dilakukan oleh Hamsiah Juki (2017). Menurut Hamsiah, pada hakikatnya genre pantun di Sarawak semakin pupus kesan perubahan masa. Namun begitu, aspek kesantunan yang terdapat dalam pantun tersebut sememangnya telah berakar umbi dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak yang masih mengamalkan tradisi berpantun dalam majlis perkahwinan yang dinamakan sebagai bermukun. Kenyataan ini turut disokong oleh Julita@ Norjietta Taisin (2019) yang menyatakan bahawa masyarakat Kadazandusun masih mengamalkan tradisi berpantun khususnya dalam kalangan golongan yang berusia lanjut dan pada kebiasaannya tinggal di kampung-kampung yang jauh di pedalaman. Mereka menggunakan ungkapan yang terhasil secara spontan dan dihayati kerana pemikiran dan perasaan penyampainya tidak dicurahkan dengan berterus terang akan tetapi menggunakan unsur-unsur alam sebagai metafora.

Walau bagaimanapun, terdapat tiga buah buku yang boleh dikira sangat penting yang banyak memuatkan simpulan bahasa Sarawak iaitu *The Malays of Sarawak*” (1998), “*The Malay Mind*” (1996) dan “*Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*” (2008) karya Abang Yusuf Puteh. Hasil karya Abang Yusuf Puteh sekurang-kurangnya dapat dijadikan sumber sorotan untuk memahami secara lebih luas berkenaan simpulan bahasa Melayu Sarawak selain dapat dijadikan sumber untuk memahami pemikiran masyarakat Melayu Sarawak dan hubungannya dengan alam sekitar.

Kajian berkaitan dengan akal budi dapat juga dikesan terdapat beberapa kajian dan penulisan akademik lain seperti yang dilakukan oleh Abdul Halim Ali. Abdul Halim Ali (2013c) misalnya mengkaji aspek akal budi dalam sajak-sajak Dharmawijaya. Abdul Halim Ali bersandarkan kepada maksud akal budi yang diberikan oleh Abdullah Hussin dan *Kamus Dewan*. Selain itu terdapat hasil penulisan oleh ahli bahasa seperti Asmah Hj Omar (1986, 1992), Abdullah Hassan (1990), Harun Mat Piah (1989) dan Nor Hashimah Jalaludin. (2014) yang secara tidak langsung membincangkan aspek akal budi dan pemikiran Melayu. Semua tulisan ini secara umum hanya dapat memberi gambaran kasar berkait maksud simpulan bahasa Melayu dan

kaitannya dengan pemikiran Melayu, namun tidak menyentuh secara khusus tentang simpulan bahasa Melayu Sarawak.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan, temubual dan analisis deskriptif. Sumber utama kajian adalah himpunan simpulan bahasa Melayu Sarawak yang disampaikan oleh dua orang informan kajian dan juga yang termuat dalam tiga buku yang berjudul "*The Malays of Sarawak*" (1998), "*The Malay Mind*" (1996) dan "*Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*" (2008) karya Abang Yusuf Puteh. Data dianalisis bersandarkan kepada deskripsi maksud akal budi seperti yang diberikan oleh Za'ba, Teori Peribahasa Za'ba (1962) yang diperluas oleh Harun Mat Piah (1989) dan Teori Semantik Geoffrey Leech (1981) berserta pendekatan semantik inkuisitif Norhashimah Jamaludin (2004) diaplikasikan dalam kajian ini. Penganalisisan simpulan bahasa yang dimaksudkan dalam kajian ini mengambil kira tafsiran peribahasa yang diberikan oleh Za'ba;

"Peribahasa itu ialah segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya, dipakai akan dia jadi sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan dan pengajaran. Maka ialah juga yang dikatakan bidalan, pepatah, perbilangan dan perumpamaan kerana tiap-tiap satu ini cakap mengandungi segala sifat peribahasa yang telah disebutkan itu."

(Za'ba,1962:165)

Berdasarkan pentafsiran Za'ba di atas, dengan membandingkannya dengan ciri-ciri simpulan Melayu Sarawak yang dikumpulkan dan digunakan dalam kajian ini, dapatlah dikatakan bahawa simpulan bahasa ialah ungkapan-ungkapan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua keratan yang sejajar, sama ada dalam sebaris ataupun lebih daripada dua baris. Meskipun antara baris-baris itu berkemungkinan tidak berhubungan dari segi rima, namun, sewajarnya terjalin daripada aspek hubungan yang seimbang, iaitu yang satu sebagai pembedan dan sebagai pelengkap kepada yang lain.

Sehubungan itu berasaskan definisi Za'ba, simpulan bahasa juga dikategorikan sebagai peribahasa, disebabkan simpulan bahasa ialah ungkapan yang terdiri daripada dua atau lebih perkataan, dan mempunyai makna yang berlainan daripada erti perkataan-perkataan yang membentuknya.

ANALISIS SIMPULAN BAHASA MELAYU SARAWAK

Penganalisisan simpulan bahasa dalam kajian ini akan menjurus kepada dua aspek utama, iaitu analisis genre dan analisis akal budi. Dari aspek genre, khususnya yang berkaitan dengan pengkategorian simpulan bahasa, teori bahasa dan teori semantik akan diaplikasikan untuk menganalisis genre dan akal budi.

Analisis Genre Simpulan Bahasa

Orang Melayu seperti juga bangsa-bangsa lain di dunia mencipta makna melalui bahasa masing-masing seperti yang ditegaskan oleh Hassan Ahmad (2016):

“...untuk mengetahui akal dan budaya Melayu, atau tentang pandangan hidup bangsa Melayu, kepercayaan mereka, falsafah mereka, ilmu mereka, tidak ada cara lain untuk melakukannya melainkan kita mengkajinya berdasarkan bahasa yang digunakan oleh orang Melayu, iaitu bahasa Melayu, bahasa aslinya. Cara lain tidak ada. Misalnya, kita dapat mengkaji cara berfikir Melayu berdasarkan struktur ayat yang biasa.”

Salah satu unsur penting dalam binaan struktur ayat yang biasa dalam bahasa Melayu seperti yang dihuraikan oleh Hassan Ahmad di atas ialah perkataan dan susunan perkataan itu. Begitu jugalah dalam penciptaan makna dalam genre simpulan bahasa Melayu, penggunaan pelbagai golongan kata merupakan unsur inti yang sangat penting. Dalam bahasa Melayu terdapat beberapa golongan kata, dan menurut *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*:

“...Perkataan digolongkan berdasarkan kriteria sintaksis dan kriteria semantik kerana penggolongan sedemikian didapati lebih selaras dengan status perkataan sebagai bentuk bebas yang menjadi unsur dalam binaan sintaksis, iaitu frasa, klausa, dan ayat.”

(*Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*, 2008:81)

Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga juga menyimpulkan golongan kata dalam bahasa Melayu terbahagi kepada empat, iaitu:

- i) Kata nama;
- ii) Kata kerja;
- iii) Kata adjektif; dan
- iv) Kata tugas.

Dalam kajian ini mendapati bahawa dalam proses pembentukan dan penciptaan simpulan bahasa dalam kalangan orang Melayu Sarawak memanfaatkan pelbagai unsur yang terdapat dalam bahas khususnya empat golongan kata yang terdapat dalam bahasa itu, yakni kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas yang digabungkan dengan pelbagai unsur alam serta pengalaman yang lain.

Kajian ini juga mendapati simpulan bahasa yang dibentuk dan diciptakan berdasarkan nilai-nilai kepercayaan yang terdapat dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak seperti percaya akan Tuhan dan percaya akan nilai-nilai Islam, percaya akan adat istiadat serta nilai budaya. Sebagai kesimpulannya, simpulan bahasa dalam bahasa Melayu Sarawak dibentuk dan diciptakan berdasarkan:

Unsur Golongan Kata

Dalam bidang ilmu bahasa Melayu, terdapat empat golongan kata, yakni kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Kajian ini mendapati simpulan-simpulan bahasa yang terdapat dalam bahasa Melayu Sarawak diciptakan dengan memanfaatkan empat golongan kata tersebut. Bagi menghasilkan simpulan bahasa yang mengiaskan maksud lain yang hendak diungkapkan oleh pencipta simpulan bahasa itu, pemilihan kata, penggabungan kata dan penyusunan kata-kata daripada keempat-empat golongan kata dilakukan dengan amat teliti agar dapat menyirat dan

mengiaskan pelbagai makna metafora yang ingin disampaikan oleh masyarakat yang mencipta peribahasa itu.

Kata Nama

Kata nama dalam bahasa Melayu terdiri dua subgolongan iaitu kata nama am dan kata nama khas. Kedua-dua subgolongan kata nama ini digunakan dengan meluas dalam simpulan bahasa Melayu Sarawak.

Kata Nama Am

Menurut *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2008), kata nama am ialah perkataan yang merujuk benda, perkara atau konsep yang umum sifatnya seperti kalam, pohon, iklim, cahaya, kaki, meja, kapak, beliung, umbang, kualiti, kedamaian dan keadilan.

Kajian ini mendapati daripada 1373 peribahasa yang dikumpulkan dan dianalisis terdapat 387 rangkap simpulan bahasa yang terbentuk daripada kata nama am. Penjenisannya kepada simpulan bahasa yang bercirikan kata nama am adalah berdasarkan kata nama am yang menjadi unsur utama pembentukan simpulan bahasa itu, yakni daripada segi strukturnya, kata nama am terletak di hadapan sekali. Antara simpulan bahasa yang terbentuk daripada kata am itu ialah:

- i) *Aer ngiluk kuku*/air ngilu kuku yang bermaksud air suam-suam kuku.
- ii) *Buah bungas*/ buah sulung yang bererti buah yang pertama yang dikeluarkan oleh pokok.
- iii) *Cabik padi*/cili padi yang membawa makna orang yang walaupun bentuk fizikalnya kecil tetapi mempunyai kehebatan dan kelebihan tersendiri.
- iv) *Dian sepuocok*/lilin sebatang yang membawa maksud dua orang yang serasi atau sepadan.
- v) *Kiker parek*/kikir pari yang bermaksud orang yang kedekut. Dalam masyarakat Melayu Sarawak kulit pari yang dijemur sehingga kering akan menjadi keras dan dapat digunakan sebagai kikir, khususnya untuk mengikir kayu dan sebagainya. Kikir pari ini digunakan semasa teknologi kikir yang diperbuat daripada besi belum lagi meluas penggunaannya dalam masyarakat Melayu Sarawak.

Penggunaan kata nama am sebagai unsur utama dalam pembentukan dan penciptaan simpulan bahasa memang amat ketara. Kajian ini juga mendapati terdapat empat pola dalam simpulan bahasa yang bercirikan kata nama iaitu:

- i) KN + KN seperti *buah pikeran*/buah fikiran dan nyawa ikan.
- ii) KN + KK seperti abang angkat dan kaki bantah.
- iii) KN + KA seperti bujang lalo/bujang terlajak dan *jarik manis*/jari manis.
- iv) KN + KSN seperti orang dalam dan orang atas.

Hasil penelitian ini juga menemukan penggunaan kata nama am dalam simpulan bahasa Melayu Sarawak adalah lebih banyak berbanding dengan penggunaan kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Ini disebabkan orang Melayu Sarawak memang dekat dan akrab dengan alam sekitar sementelah negeri Sarawak memang kaya dengan flora dan faunanya.

Kata nama dijadikan unsur inti dalam peribahasa-peribahasa tersebut, maka peribahasa itu dijeniskan kepada simpulan bahasa yang berasaskan kata nama. Penggunaan kata nama,

khususnya kata nama am sebagai unsur atau inti utama dalam pembentukan peribahasa amat meluas. Kata nama itu terdiri kata nama am atau kata nama khas berdasarkan pada maksud yang hendak disampaikan oleh penuturnya melalui peribahasa itu. Kata-kata nama itu perlu digandingkan dengan kata sifat, dan disusun dengan kemas agar dapat mengiaskan makna baharu. Seperti yang telah dijelaskan di atas,

Kata Nama Khas

Kata nama khas ialah perkataan-perkataan yang mendukung makna rujukan khusus pada sesuatu nama orang, haiwan, benda, perbadanan, undang-undang, bangsa, bahasa, pangkat, dan seumpamanya (*Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*, 2008). Antara contoh kata nama khas yang terdapat dalam peribahasa ialah *Pak Pandir*, *Pak Turut*, dan *Abu Jahal*.

Kajian ini mendapati simpulan bahasa yang bercirikan kata nama khas dalam peribahasa Melayu Sarawak yang dikumpulkan ini tidaklah begitu ketara kerana hanya terdapat 18 rangkap simpulan bahasa yang bercirikan kata nama khas. Simpulan bahasa yang bercirikan kata nama khas juga tidak begitu produktif. Antaranya, simpulan bahasa *Pak Ale* yang diilhamkan daripada cerita rakyat berjudul *Pak Ale* yang merupakan watak bodoh sombong.

Simpulan bahasa *Tukang Gendang* pula diciptakan berdasarkan budaya bergendang atau Gendang Melayu Sarawak, yakni dua atau tiga orang perempuan yang mahir dalam memukul gendang mengikut irama dan melodi tertentu sambil melagukan pantun-pantun secara spontan., dan dalam masa yang sama, para lelaki bertandak sesuai dengan rentak yang dialunkan *Tukang Gendang*.

Meskipun hasil kajian mendapati simpulan bahasa yang bersumberkan kata nama khas tidak banyak bilangannya dalam peribahasa Melayu Sarawak namun, kewujudannya masih memperlihatkan sifat kekreatifan orang Melayu Sarawak memanfaatkan peristiwa-peristiwa penting dalam masyarakat dan cerita-cerita rakyat yang masyhur tetap mempunyai peranan membentuk simpulan bahasa yang sarat dengan makna-makna tersirat.

Kata Kerja

Menurut Napisah Muhammad (2014:85), kata kerja ialah perkataan yang menerangkan perbuatan. Dalam konteks kajian ini, kata kerja pula ialah perkataan yang menerangkan perbuatan yang menjadi inti bagi binaan atau konstruksi frasa kerja seperti *tidur*, *membaca* dan *main*. Kajian ini mendapati terdapat 324 simpulan bahasa yang kata kerja menjadi inti pembentukannya. Antara simpulan bahasa dalam peribahasa Melayu Sarawak yang kata kerja menjadi inti atau unsur utama binaan rangkapnya seperti yang terkandung dalam simpulan bahasa yang berikut:

- i) *Bukak bunga/buka bunga* yang bererti memulakan sesuatu pencak atau silat.
- ii) *Carik reta/cari harta* yang bermakna berusaha mencari harta untuk penghidupan.
- iii) *Embat-embat butak/embat-embat buta* yang bermakna melakukan sesuatu secara membabi-buta ataupun membuta-tuli sahaja.
- iv) *Main kerujik/main perli* yang membawa maksud memperli atau mengejek-ejek.
- v) *Tunok sik bebau/dibakar tidak berbau* yang menyirat tiga makna, iaitu tidak disangka sedikit pun, maksud jahat yang tersembunyi, dan tidak percaya akan sesuatu yang terjadi.

Kajian ini mendapati penggunaan kata kerja sebagai dasar untuk membentuk dan menciptakan simpulan bahasa disebabkan kata kerja seperti juga kata nama am merupakan golongan kata yang lazim dan banyak digunakan dalam pertuturan harian dalam kalangan orang Melayu Sarawak.

Kata Adjektif

Kata adjektif ialah perkataan-perkataan yang berfungsi menerangkan keadaan atau sifat bagi sesuatu nama atau frasa nama seperti kata *sakit, banyak, besar, kecil, tinggi, panjang, pandai, lembut, keras* dan *merdu*. Dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015) pula, kata adjektif ialah perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif.

Penganalisan terhadap simpulan bahasa dalam peribahasa Melayu Sarawak ini juga mendapati kata adjektif atau kata sifat juga menjadi sumber dan asas untuk membentuk dan menciptakan simpulan bahasa. Antara simpulan bahasa yang menggunakan kata adjektif sebagai inti utama dalam rangkap-rangkapnya adalah seperti yang berikut:

- i) *Alem-alem pusak*/Alim-alim kucing yang bermaksud berpura-pura baik.
- ii) *Berat angkatan* /Berat pergerakan yang bererti orang yang lambat pergerakannya seperti apabila hendak berangkat atau membantu orang lain.
- iii) *Gobar ati*/gobar hati yang bermakna berasa sedih.
- iv) *Jaik mulut*/jahat mulut yang membawa erti suka menceritakan keburukan orang lain atau mengatai orang lain.
- v) *Puteh tapak kaki*/putih tapak kaki yang menyirat makna lari dengan pantas tanpa berpaling ke belakang kerana takut dan lain-lain.

Lazimnya kata-kata adjektif itu dipadankan dengan kata nama dan kata kerja bagi membentuk peribahasa. Kajian ini juga mendapati terdapat sembilan jenis kata adjektif yang digunakan oleh orang Melayu Sarawak seperti yang berikut:

- i) Sifat atau keadaan seperti keras, *kuat* (kuat), lemah dan tajam. Contohnya, *keras ati*/keras hati, *lemah semangat*/lemah semangat dan *tajam akal*/tajam akal.
- ii) Warna seperti *itam* (hitam), *kunin* (kuning) dan *mirah* (merah). Misalnya, *itam manis*/hitam manis, *kunin lansat*/kuning langsung, *mirah muka*/merah muka, dan *puteh mata*/putih mata.
- iii) Ukuran seperti panjang, pendek dan tebal. Antaranya, panjang *umur*/panjang umur, *pendek akal*/pendek akal dan *tebal kocek*/tebal poket.
- iv) Bentuk seperti *bujur* (bujur) dalam simpulan bahasa *bujur sireh*/bujur sirih.
- v) Pancaindera seperti kata adjektif *bau* dalam *bau nak mati*/bau nak mampus, *manis* dalam *manis mulut*, *masam* dalam *masam muka*, dan *masin* dalam *masin mulut*.
- vi) Perasaan seperti *panas* dalam *panas ati*/panas hati, *sakit* dalam *sakit ati*/sakit hati, suka dalam *suka ati*/suka hati dan umas (rimas) dalam *umas nyawa* (rasa rimas).
- vii) Cara seperti kata *laju* dalam *laju olah*/lincah kelakuan.
- viii) Jarak seperti kata *jaoh* (jauh) dalam *jaoh ati*/jauh hati.
- ix) Waktu seperti *tengah ari*/tengah hari dalam *tengah ari terit*/tengah hari terik, dan *tengah malam* (tengah malam) dalam *tengah malam butak*/tengah malam buta.

Kata Tugas

Golongan kata tugas terdiri daripada golongan kata yang bersifat pelbagai jenis atau heterogen, yakni yang terkandung dalamnya golongan-golongan kecil yang berbeza namun mempunyai satu sifat yang sama seperti *ramai, dua, amat, kurang, sudah, tidak, dan masing-masing*. Kata tugas menurut Napisah Muhammad (2014) kata tugas mempunyai tugas-tugas tertentu dalam ayat atau ungkapan. Kajian ini mendapati hanya kata tugas *sik* (tidak) sahaja yang digunakan oleh orang Melayu Sarawak untuk membentuk dan menciptakan simpulan bahasa. Contohnya:

- i) *Sik begigi*/tidak bergigi yang mengandungi dua maksud, iaitu rongak, dan tidak berkuasa.
- ii) *Sik ngokok*/tidak berani berkata-kata yang membawa makna tidak berdaya atau tidak berani berbuat apa-apa apabila bertemu dengan seseorang yang lebih pandai, handal dan lain-lain daripadanya.

Hasil perbandingan dengan golongan kata yang lain, kata tugas *sik* (tidak) banyak digunakan dalam peribahasa jenis pepatah atau bidalan seperti *sik betemu bukok* yang bermaksud dua orang yang tidak serasi atau, selain pepatah *sik nengar bedok*/tidak mendengar beduk yang membawa makna orang yang tidak mengikut perkembangan semasa.

Kajian ini mendapati jenis kata tugas lain yang digunakan untuk membentuk simpulan bahasa ialah kata sendi nama. Perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama ialah kata sendi nama, dan antara kata sendi nama yang biasanya digunakan ialah *atas, dari, oleh* dan *dalam* (*Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2015*).

Penggunaan kata sendi nama bagi membentuk dan menciptakan peribahasa jenis simpulan bahasa tidaklah begitu ketara berbanding dengan penggunaan kata nama am, kata kerja dan kata adjektif. Hasil kajian ini juga mendapati terdapat simpulan bahasa yang dibentuk dan diciptakan berasaskan kata sendi nama, meskipun tidak begitu banyak bilangannya. Terdapat hanya tujuh rangkap sahaja simpulan bahasa yang bercirikan kata sendi nama *atas, dalam* dan *di*. Meskipun simpulan bahasa yang bercirikan kata sendi nama tidak banyak digunakan namun, makna-makna yang dikiaskan dalam simpulan bahasa itu menghasilkan kesan yang amat mendalam khususnya bagi melihat sifat dan sikap orang Melayu Sarawak terhadap sesuatu perkara atau peristiwa.

Unsur Nilai Kepercayaan

Nilai-nilai kepercayaan yang dimaksudkan ialah kemampuan yang dipercayai ada pada sesuatu benda, perkara atau kejadian. Justeru, nilai-nilai kepercayaan yang terkandung dalam sesuatu peribahasa itu adalah berkaitan dengan nilai kepercayaan sosial dan agama seperti *makan bulan, air pinang* dan *batu buyung*.

Masyarakat Melayu Sarawak juga mempunyai sistem nilai dan norma yang bersumberkan adat dan agama yang turut berkembang hasil daripada interaksi masyarakat itu dengan kelompok masyarakat yang lain, termasuk hasil daripada interaksi dengan masyarakat yang berlainan suku, agama, budaya dan kepercayaan, dengan alam sekitar di sekeliling mereka, dan interaksi mereka dengan alam ghaib. Masyarakat Melayu Sarawak percaya akan adanya kuasa ghaib, dan mereka juga masih hidup dalam sistem adat seperti dalam acara pertunangan,

perkahwinan, kematian, dan sebagainya. Orang Melayu Sarawak masih memperingati kematian ibu bapa dan ahli-ahli keluarga dengan mengadakan kenduri-kenduri arwah.

Kenduri-kenduri dan majlis-majlis tahlil seperti *makan iga* (kenduri arwah pada hari ketiga), *makan dua puloh* (kenduri arwah pada hari kedua puluh), *makan empat puloh* (kenduri arwah pada hari keempat puluh), dan *makan seratus hari* (kenduri arwah pada hari keseratus hari), dan *makan hol* (kenduri arwah yang diadakan setahun sekali bersempena dengan ulang tahun kematian seseorang) masih lagi diadakan sebagai manifestasi ingatan tulus ikhlas mereka kepada ibu bapa dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka yang telah terlebih dahulu pergi menemui Tuhan.

Kajian ini menemukan 46 rangkap simpulan bahasa yang berhubung kait dengan nilai-nilai kepercayaan orang Melayu. Nilai-nilai kepercayaan itu masih wujud dan diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak masa kini. Walau bagaimanapun, kesedaran agama yang mendalam menjadi faktor amalan nilai kepercayaan itu kian berkurangan selain faktor kewangan, dan faktor jurang generasi, yakni generasi moden yang tidak terasimilasi dengan sistem nilai kepercayaan demikian. Masyarakat Melayu Sarawak seperti juga masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia amat menitikberatkan soal adat, khususnya nilai-nilai adat dan kepercayaan yang membawa kebaikan serta keharmonian kepada kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat. Bahkan sensitiviti orang Melayu Sarawak amat tinggi terhadap hal-hal yang berhubung kait dengan adat. Menurut Abang Yusuf Puteh;

“Orang Melayu lekas tersinggung oleh perkara yang menyentuh “adat” dan mereka menjaganya dengan perasaan cemburu. Mereka menentang sebarang percubaan hendak menghapuskannya tetapi mereka bersedia memasukkan unsur-unsur baharu ke dalam yang lama.”

Abang Yusuf Puteh, 2008:29)

Analisis Akal Budi dalam Simpulan Bahasa

Akal budi atau fikiran yang sihat yang terkandung dalam simpulan bahasa dapat dicungkil, dan ditafsirkan dengan mengaplikasikan teori semantik, dan pendekatan semantik inkuistif, khusus untuk meninjau maksud yang tersirat dalam simpulan bahasa. Simpulan bahasa seperti yang dihuraikan sebelum ini sarat dengan metafora ataupun bahasa figuratif.

Metafora mempunyai fungsi kognitif bagi membentuk fikiran dan makna yang luar biasa ataupun makna yang bersifat abstrak atau konseptual. Sesuatu ungkapan itu untuk dianggap sebagai ungkapan konseptual haruslah mengandungi ciri makna atau isinya bersifat konseptual ataupun bersifat intelektual. Menurut Hassan Ahmad (2016) dalam bahasa Melayu wujud istilah yang lebih khusus dan luas makna daripada sekadar makna “intelektual”, yakni akal budi ataupun kehalusan akal yang menandakan pandangan Melayu tentang betapa eratnya hubungan bahasa dan adab Melayu. Dalam teks simpulan bahasa yang dikaji ini, ditemukan bahasa metafora yang digunakan oleh penciptanya untuk menyampaikan maksud, konsep ataupun prinsip yang abstrak.

Nor Hashimah Jalaluddin (2014) mengatakan bahawa akal budi bukan sekadar bermaksud mempunyai akal secara lahiriah, walau bagaimanapun, akal budi juga bermaksud menggunakan akal, berfikiran waras, rasional dalam menuturkan bahasa, dan bijak mengungkap makna. Bagi mereka yang mempunyai akal yang sihat ataupun berfikiran waras,

mereka akan berfikir sebelum berkata-kata, dan sebelum menciptakan sesuatu karya sastra, termasuk dalam penciptaan simpulan bahasa.

Kajian ini mendapati, pemilihan dan penggunaan metafora dalam penciptaan simpulan bahasa telah memperlihatkan betapa bijaksananya orang Melayu. Dengan bersumberkan kata *makan* sahaja orang Melayu berjaya menciptakan ungkapan-ungkapan metafora yang mengiaskan makna-makna tersirat yang perlu ditafsirkan dan ditamsilkan untuk mencungkil makna-makna tersiratnya, di samping untuk menelusuri akal budi Melayu yang terselindung di sebalik ungkapan-ungkapan metafora itu.

Ungkapan *makan duit* misalnya, tidak sama maknanya dengan kalimat *duit makan* setelah susunan perkataan dalam kedua-dua ungkapan itu distrukturkan semula. Ungkapan yang pertama berpola KK + KN, manakala ungkapan yang kedua berpola KN + KK. Analisis pada tahap leksikal terhadap kedua-dua simpulan bahasa itu hanya akan menghasilkan makna denotatif. Justeru, untuk memperoleh makna konotatif daripada kedua-dua simpulan bahasa itu, analisis harus dilakukan dengan lebih rinci dan mendalam lagi bagi menelusuri makna sebenarnya yang hendak disampaikan melalui simpulan bahasa itu selari dengan kehendak pendekatan semantik inkuisitif yang menekankan agar pencungkilan dan pentafsiran makna sesebuah peribahasa itu tidak terhenti pada peringkat permukaan sahaja.

Takrifan kata *makan* seperti yang diberikan oleh *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010) ialah *memamah* atau *menelan makanan*, dan *mengunyah sesuatu*. Duit pula ditakrifkan sebagai *alat pertukaran yang mempunyai nilai tertentu dan diakui sah;wang*. Dengan bersandarkan takrifan tersebut, secara harfiah, simpulan bahasa *makan duit* bermaksud “perbuatan memamah, menelan atau mengunyah duit”. Analisis secara permukaan terhadap simpulan bahasa *duit makan* pula menyerlahkan maksud duit yang disediakan atau diperuntukkan sebagai belanja makan; duit makan ini berbeza dengan nafkah.

Duit ialah objek perlambangan bersifat konkrit, dan duit sangat penting dan berguna kepada kehidupan. Dengan duitlah segala keperluan hidup dapat dipenuhi, dan sehubungan dengan itu, duit juga penting untuk membeli makanan. Meskipun duit itu penting dalam kehidupan, namun duit yang diperoleh hendaklah daripada sumber yang halal, dan orang Melayu sesuai dengan agama Islam yang dianuti oleh mereka, amat menitikberatkan kehalalan duit yang diperoleh, khususnya untuk menyara kehidupan berkeluarga.

Dalam konteks simpulan bahasa *makan duit* yang bermaksud pecah amanah atau mengambil duit secara haram, mengiaskan bahawa duit bukanlah sesuatu yang dimakan, tetapi yang dimakan ialah makanan. Justeru, perbuatan makan duit itu adalah bertentangan dengan fitrah dan tabii manusia, dan lantaran itu, merupakan perbuatan salah serta tidak baik.

Akal budi Melayu Sarawak juga terpancar melalui nilai-nilai kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat itu sejak dahulukala, dan ada yang masih diamalkan hingga kini dengan penyesuaian di sana sini. Masyarakat Melayu Sarawak juga kaya dengan nilai-nilai kepercayaannya yang tersendiri, dan sebahagian daripada nilai kepercayaan itu dijelmakan dalam pelbagai kenduri kendera, dan acara adat-istiadat yang lain seperti perkahwinan dan sebagainya.

Menurut Raslie Saharan (1988), sebagai masyarakat yang dididik untuk memohon dan menyatakan kesyukuran atas segala kurnia yang diberi oleh Allah SWT orang Melayu menyatakan kesyukuran mereka dalam bentuk kenduri kendera—besar atau kecilnya sesuatu majlis itu bergantung pada tujuan kenduri itu diadakan dan kemampuan masing-masing.

Justeru, orang Melayu Sarawak memanfaatkan segala nilai kepercayaan itu sebagai asas untuk mereka menciptakan simpulan bahasa dan untuk mengungkapkan akal budi mereka tentang peri perlunya masyarakat Melayu sentiasa melestarikan segala bentuk kepercayaan yang

tidak bertentangan dengan nilai-nilai agama Islam yang dianuti oleh mereka. Antara simpulan bahasa yang berunsurkan nilai kepercayaan ialah:

- i) Makan *iga* yang bermaksud kenduri arwah pada hari ketiga.
- ii) Makan *ujoh* yang bermaksud kenduri arwah pada hari ketujuh.
- iii) Makan duak *puloh* yang bermaksud kenduri arwah pada hari kedua puluh.
- iv) Makan empat *puloh* yang bermaksud kenduri arwah pada hari keempat puluh.
- v) Makan *seratus ari* yang bermaksud kenduri arwah pada hari keseratus.
- vi) Makan *hol* yang bermaksud kenduri arwah ulang tahun kematian.

Kewujudan simpulan-simpulan bahasa yang berunsurkan nilai-nilai kepercayaan itu menggambarkan orang Melayu Sarawak amat mementingkan nilai-nilai kekeluargaan dan kemasyarakatan. Kenduri-kenduri yang lazimnya disertakan dengan doa tahlil atau selamat jelas menunjukkan orang Melayu Sarawak memiliki rasa kesyukuran, dan usaha berterusan untuk bersedekah serta mempererat silaturahim sesama keluarga dan jiran tetangga.

Akal budi Melayu Sarawak yang diungkapkan secara tersirat lewat simpulan bahasa dalam perkara i hingga vi adalah untuk mengingatkan ahli-ahli keluarga terdekat agar “sentiasa mengingati orang-orang yang telah meninggal dunia, dan mendoakan kebahagiaan mereka di akhirat”.

Jelasnya, orang Melayu Sarawak amat bijak menggunakan akalinya untuk mengungkapkan dan mengetengahkan pemikirannya serta falsafahnya melalui pembentukan serta penciptaan peribahasa, khususnya genre simpulan bahasa. Seperti yang sering ditekankan oleh para ahli linguistik kognitif, bahasa, dan konteks kajian ini simpulan bahasa, ialah cerminan fikiran manusia. Dengan pengertian lain manusia menggunakan akalinya, kognisinya atau fikirannya untuk menciptakan makna-makna yang mereka tuangkan ke dalam ayat-ayat atau kalimat yang sarat dengan metafora seperti simpulan bahasa.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, kajian ini mendapati peribahasa yang paling ringkas, mudah dan padat ialah simpulan bahasa yang mengandungi makna berlapis, dan terbentuk daripada dua hingga tiga patah perkataan sahaja. Analisis ini juga mendapati, daripada segi genre, simpulan bahasa Melayu Sarawak terbentuk daripada jalinan kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata tugas dan daripada unsur-unsur kepercayaan orang Melayu Sarawak. Akal budi seperti yang telah dibincangkan bukan hanya secara lahiriahnya bermakna memiliki akal, bagaimanapun, akal budi juga bermaksud kebijaksanaan dan kearifan masyarakat Melayu Sarawak dalam mempergunakan akal, berfikiran sihat dan waras serta kepandaian mereka dalam mengungkapkan dan mengiaskan bahasa yang sarat dengan makna-makna.

Seperti juga kajian yang dilakukan oleh Mardiah Mawar Kembaren, *et al* (2020) terhadap aspek kearifan lokal cerita rakyat masyarakat Melayu di Medan, Sumatera, Indonesia yang percaya kebijaksanaan masyarakat Melayu banyak terselindung di sebalik makna cerita bukan sekadar lapis bahasa lisan semata-mata. Hubungan simpulan bahasa dengan akal budi ialah suatu gambaran hubungan dalaman seperti yang disebutkan oleh Ghazali Din & A. Halim Ali (2020), iaitu di sebalik teks terdapat hubungan komunikasi di antara teks itu dengan naluri manusia. Penganalisisan dan pentafsiran simpulan bahasa yang dilakukan ini mendapati akal budi mencakupi kearifan masyarakat Melayu Sarawak daripada segi pemikiran kreatif, keindahan, penaakulan, kesusilaan, keperibadian dan kebudayaan. Sorotan berdasarkan

pandangan sarjana Melayu menurut Abdul Halim Ali, (2013a, 2013b, 2014) tentunya dapat menemukan makna yang lebih jelas dan terkait langsung dengan kehidupan, kepercayaan, agama dan budaya masyarakat Melayu itu sendiri.

RUJUKAN

- Abang Yusof Puteh. (1997). *The Malay Mind*. Shobra Publications Sdn. Bhd., Kuching, Sarawak.
- Abang Yusof Puteh.(1998). *The Malays of Sarawak: A Socio-Political Portrait*. Shobra Publications Sdn. Bhd., Kuching, Sarawak.
- Abang Yusuf Puteh. (2005). *A Profile of Sarawak Malays*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.
- Abang Yusuf Puteh. (2008). *Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak Edisi Kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Abdul Halim Ali (2013a) *Bingkisan Sastera*. Selayang Baru: Diwangsa Publications & Distributors
- Abdul Halim Ali (2013b) *Pengantar teori & kritikan sastera: barat dan Malaysia*,. Tanjong Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia
- Abdul Halim Ali (2014) *Teori Takmilah: Perluasan & Pentafsiran*. Tanjong Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Abdul Halim Ali (2013c) Akal Budi dalam Sajak-sajak Dharmawijaya, *Jurnal e-UTAMA*. Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura, vl.2 (2), 69-80
- Abdullah Hassan. (1990). *Kamus Simpulan Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Asmah Hj. Omar.(1986). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar. *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*.(1992). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Din, G., & Ali, A. (2020). Naluri kemasyarakatan mengangkat keunggulan kepengarangan Muhammad Hj Salleh terhadap pembangunan minda bangsa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 26 - 41. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/5>
- Geoffrey N. Leech.(1981). *Semantics: The Study of Meaning*. Penguin, London.
- Harun Mat Piah.(1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Hassan Ahmad. *Bahasa dan Pemikiran Melayu*. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Juki, H., & Salleh, C. I. (2017). Kesantunan Pantun Melayu Sarawak. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 5(1), 56 - 100. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/49>
- Kembaren, M. M., Nasution, A. A., & Lubis, M. H. (2020). Cerita rakyat Melayu sumatra utara berupa mitos dan legenda dalam membentuk kearifan lokal masyarakat. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 1 - 12. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/117>

- Keris Mas. 1998). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Napisah Muhammad. (2014). *Bentuk Kata dan Golongan Kata*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim *et al.* (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nor Hashimah Jalaludin. (1992). *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nor Hashimah Jalaludin. (2014). *Semantik dalam Akal Budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Raslie Saharan. (1988). *Beberapa Aspek Kebudayaan Masyarakat Melayu Sarawak. Adat Resam Penduduk Sarawak*. Jawatankuasa Kecil Publisiti dan Filem Perayaan Ulang tahun ke-25 Sarawak Merdeka dalam Malaysia, Kuching.
- Taisin, N. J. (2019). Unsur Metafora Dalam Puisi Lisan Tradisional Kadazandusun. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 153-172. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/31>
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (1962). *Ilmu Mengarang Melayu* (Cetakan kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (2002). *Ilmu Mengarang Melayu, Edisi Ejaan Rumi Baharu* (Dengan Pengenalan oleh Asmah Haji Omar). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (2000). *Pelita Bahasa Melayu, Edisi Baharu* (Penggal III: Bab IX). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.